

29 AUG 2001

Anugerah-Mahathir

DR MAHATHIR AKAN TERIMA ANUGERAH ASEAN DI SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima "Anugerah Pencapaian Millenium Asean" oleh Asean Business Forum (ABF) kerana menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh dan dinamik.

Perdana Menteri akan menerima anugerah itu daripada bekas presiden Singapura Wee Kim Wee dalam satu jamuan malam khas di Singapura 10 Sept ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) Datuk Dr Michael Yeoh.

Seorang lagi penerima anugerah itu ialah Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Jamuan itu anjuran bersama ABF dan Asli dijangka dihadiri 600 tokoh perniagaan Malaysia dan Singapura serta beberapa menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

"Jamuan malam itu merupakan satu acara luar biasa kerana Dr Mahathir dan Encik Lee Kuan Yew akan berucap pada majlis yang sama," kata Yeoh.

Katanya jamuan itu adalah bagi membolehkan sektor swasta memberi penghormatan kepada dua negarawan Asean yang bukan saja berjaya membangunkan negara masing-masing tetapi membawa kestabilan di rantau ini.

"Anugerah dan jamuan itu adalah bukti bahawa sektor swasta tabik kepada kedua-dua negarawan ini yang telah memainkan peranan bermakna mengukuhkan kerjasama Asean," katanya.

Yeoh berkata 250 ahli perniagaan Malaysia yang akan hadir berpeluang menjalin kerjasama dan perkongsian bijak dengan ahli perniagaan dari Singapura.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI